

TINJAUAN MINGGUAN AGM/EGM MSWG

Tempoh 17 hingga 21 Mac 2025

Berikut adalah AGM/ EGM untuk syarikat di bawah senarai pemantauan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman sesawang MSWG di www.mswg.org.my

TINJAUAN RINGKAS

| Tarikh & Masa | Syarikat | Tinjauan ringkas |
|------------------------------------|---------------------------|---|
| 19.03.25 (Rabu) 10.00 pagi | Lotus KFM Berhad (AGM) | <p>Kumpulan mencatatkan pendapatan berjumlah RM50.7 juta pada tahun kewangan berakhir 2024, mewakili penurunan sebanyak RM7.808 juta berbanding dengan RM58.5 juta pada tahun kewangan berakhir 2023. Penurunan ini disebabkan oleh permintaan yang semakin berkurangan dalam pasaran operasi, yang menjejaskan jumlah jualan.</p> <p>Sementara itu, segmen perladangan menyumbang sebanyak RM0.4 juta atau 0.75% daripada jumlah pendapatan Kumpulan sebagai sumber pendapatan baharu.</p> |
| 20.03.25 (Khamis) 10.00 pagi | MKH Berhad (AGM) | <p>Walaupun pendapatan Kumpulan bagi tahun kewangan berakhir 30 September 2024 menyusut sedikit sebanyak 0.3% kepada RM1,060.9 juta (tahun kewangan 2023: RM1,063.8 juta), keuntungan sebelum cukainya meningkat sebanyak 23.4% kepada RM144.7 juta (tahun kewangan 2023: RM117.2 juta). Peningkatan ini didorong oleh keuntungan kasar yang lebih tinggi daripada Bahagian Perladangan, hasil daripada peningkatan pengeluaran minyak sawit mentah (<i>crude palm oil</i>, CPO), harga jualan purata CPO yang lebih tinggi bagi setiap tan metrik (MT), kos pengeluaran purata CPO yang lebih rendah bagi setiap MT, serta keuntungan daripada perubahan nilai saksama untuk hartanah pelaburan sebanyak RM7.7 juta (tahun kewangan 2023: kerugian daripada perubahan nilai saksama untuk hartanah pelaburan sebanyak RM0.9 juta).</p> |

| | | |
|---|--|---|
| <p>20.03.25 (Khamis) 10.00 pagi</p> | <p>Pharmaniaga Berhad (EGM)</p> | <p>Pharmaniaga berhasrat untuk mendapatkan kelulusan pemegang saham bagi pelan pemulihannya, yang merangkumi langkah-langkah berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Cadangan terbitan hak boleh ditolak yang terdiri daripada saham biasa baharu dalam syarikat ("saham hak") bagi mendapatkan hasil kasar berjumlah sehingga RM353.5 juta. - Cadangan penempatan persendirian saham Pharmaniaga baharu kepada pelabur pihak ketiga yang akan dikenal pasti kemudian, pada harga terbitan yang akan ditentukan kemudian, bagi mendapatkan hasil kasar berjumlah sehingga RM300.0 juta, dengan jumlah minimum RM215.0 juta. - Cadangan pengurangan modal saham daripada modal saham terbitan syarikat dengan pembatalan modal saham berjumlah RM520.0 juta, yang mengalami kerugian dan/atau tidak diwakili oleh aset yang tersedia, mengikut Seksyen 117, Akta Syarikat 2016. |
| <p>21.03.25 (Jumaat) 10.00 pagi</p> | <p>Digistar Corporation Berhad (AGM)</p> | <p>Kumpulan mencatatkan pendapatan yang lebih rendah tahun ke tahun, sebanyak 3.28% atau RM46.05 juta bagi tahun kewangan 2024, berbanding dengan RM47.61 juta pada tahun sebelumnya. Kumpulan juga mencatatkan kerugian sebelum cukai sebanyak RM5.08 juta, berbanding dengan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM0.27 juta pada tahun sebelumnya.</p> |

PERKARA PENTING

| Syarikat | Perkara/ Isu Untuk Diajukan |
|------------------------|---|
| Lotus KFM Berhad (AGM) | <p>Penyumbang utama pendapatan Kumpulan iaitu segmen pengilangan dan perdagangan tepung, menunjukkan trend menurun dalam tiga tahun kewangan terakhir. Pada masa yang sama, margin keuntungan operasi menyusut daripada 7.4% pada tahun kewangan berakhir 2022 kepada 3.4% pada tahun kewangan berakhir 2024. Kumpulan menjelaskan bahawa penurunan ini berpunca daripada permintaan yang semakin berkurangan dalam operasi pasaran. (Halaman 5, Laporan Tahunan 2024)</p> <p>a) Bolehkah Lembaga Pengarah berikan penjelasan tentang penurunan permintaan terhadap produk tepung Kumpulan serta faktor utama yang menyumbang kepada penyusutan margin keuntungan operasi?</p> <p>b) Jualan Kumpulan kepada pelanggan utama A merosot kira-kira 30% berbanding dengan tahun kewangan sebelumnya. (Halaman 119, Laporan Tahunan 2024). Apakah punca utama yang menyebabkan kejatuhan ketara dalam jualan?</p> <p>c) Adakah Kumpulan mengalami tekanan akibat kehilangan pelanggan dalam pasaran yang sangat berdaya saing sepanjang tiga tahun yang lalu? Jika ya, apakah sebab utama pelanggan beralih kepada pembekal lain dan bagaimanakah Kumpulan merancang untuk menangani cabaran ini?</p> <p>d) Bolehkah Lembaga kongsi perkembangan terkini mengenai usaha untuk menjalin kerjasama strategik dan pakatan perniagaan bagi meneroka pasaran baharu seperti yang dibincangkan dalam mesyuarat agung tahunan yang lepas?</p> |
| MKH Berhad (AGM) | <p>Seorang pelanggan individu mencatatkan jumlah jualan sebanyak RM287.9 juta bagi tahun kewangan 2024 (tahun kewangan 2023: RM187.52 juta), mewakili 27% daripada jumlah keseluruhan pendapatan Kumpulan (2023: 18%). (Halaman 291, Laporan Tahunan 2024)</p> <p>a) Siapakah pelanggan individu ini yang menyumbang 27% daripada jumlah pendapatan Kumpulan bagi tahun</p> |

| | |
|--|--|
| | <p>kewangan 2024? Dalam sektor perniagaan apakah jualan ini dilakukan?</p> <p>b) Bagaimanakah pelanggan ini boleh mencapai jumlah jualan yang tinggi dengan MKH? Apakah penilaian risiko kredit yang dilakukan bagi memastikan pelanggan ini mampu memenuhi tanggungjawab pembayaran? Adakah Kumpulan menghadapi sebarang isu kutipan pembayaran dengan pelanggan ini? Selain itu, adakah syarikat membuat apa-apa peruntukan, penurunan nilai atau pelupusan hutang yang berkaitan dengan jumlah tertunggak pelanggan tersebut? Jika ada, berapakah jumlah yang direkodkan?</p> <p>c) Sumbangan pendapatan daripada pelanggan ini meningkat daripada 18% pada tahun sebelum ini kepada 27%. Adakah MKH melihat trend ini sebagai risiko penumpuan pendapatan yang semakin meningkat? Jika ya, apakah langkah yang diambil oleh syarikat untuk mempelbagaikan pangkalan pelanggannya?</p> <p>d) Sehingga tarikh pelaporan, MKH tidak menghadapi masalah risiko penumpuan kredit yang signifikan terhadap baki penghutang perdagangan, kecuali seorang pelanggan individu yang mempunyai baki hutang sebanyak RM38.5 juta (tahun kewangan 2023: RM38.5 juta), yang mewakili 25% daripada jumlah baki penghutang perdagangan (2023: 28%). (Halaman 294, Nota 43 (i) – Risiko Kredit, Laporan Tahunan 2024)</p> <p>Jumlah ini berkaitan dengan pinjaman yang diberikan oleh anak syarikat MKH kepada pihak ketiga dalam satu perjanjian usaha sama untuk membangunkan tanah yang ditandatangani antara pihak ketiga tersebut dengan sebuah anak syarikat MKH yang lain. (Halaman 249, Nota 20 – Penghutang, deposit dan prabayaran, Laporan Tahunan 2024)</p> <p>Adakah pinjaman ini berkaitan dengan pelanggan individu yang dinyatakan sebelum ini? Sila nyatakan usaha sama, anak syarikat dan pihak ketiga yang terlibat dalam transaksi ini.</p> |
|--|--|

| | |
|-----------------------------------|---|
| Digistar Corporation Berhad (AGM) | <p>Gaji minimum di Malaysia meningkat daripada RM1,500 sebulan pada tahun 2024 kepada RM1,700 sebulan, berkuat kuasa mulai 1 Februari 2025.</p> <ul style="list-style-type: none">a) Berapakah bilangan pekerja Kumpulan yang terkesan dengan perubahan gaji minimum ini?b) Sejauh mana kenaikan gaji minimum ini memberi kesan kepada kos operasi dan keuntungan syarikat?c) Dengan jangkaan peningkatan kos buruh, sejauh manakah Kumpulan akan membuat pelarasan terhadap kadar harga bilik hotel pada masa hadapan? |
|-----------------------------------|---|

PENDEDAHAN KEPENTINGAN

Berkenaan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memiliki jumlah saham minimum dalam semua syarikat yang diliputi dalam buletin ini.

PENOLAKAN TUNTUTAN

Buletin ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam buletin ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam buletin ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walau bagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam buletin ini. Tiada maklumat di dalam buletin ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian buletin ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas bergantung kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam buletin ini atau jika ia diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan buletin ini.